



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

MENANGANI MEGATREND PENDUDUK DAN DINAMIK KELUARGA: CABARAN MENUJU MASA DEPAN LEBIH BERKUALITI

PETALING JAYA, 19 NOVEMBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menganjurkan Persidangan Kependudukan Kebangsaan 2025 (PERKKS 25) bermula 19 hingga 21 November 2025 di Petaling Jaya, Selangor.

Majlis perasmian disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa “pembangunan dasar kependudukan tidak boleh lagi bersifat konvensional atau statik, sebaliknya mesti berteraskan data dan daya tahan digital (*digital resilience*) agar teknologi dapat dimanfaatkan secara inklusif merentas generasi.” Kenyataan ini mencerminkan komitmen KPWKM untuk memastikan isu demografi dan kekeluargaan ditangani secara menyeluruh, progresif dan berasaskan bukti.

Dengan tema “**Megatrend Penduduk dan Dinamik Keluarga: Cabaran untuk Masa Depan Lebih Berkualiti**”, persidangan ini menjadi wadah strategik bagi membincangkan isu-isu kritikal seperti kejatuhan kadar kesuburan, penuaan penduduk, pemeraksanaan wanita dan kesejahteraan keluarga dalam menghadapi perubahan sosial serta ekonomi yang dinamik di Malaysia.

Persidangan tiga hari ini, menghimpunkan lebih 300 peserta termasuk 150 pembentang kertas kerja, penyelidik, penggubal dasar, wakil universiti, agensi kerajaan, sektor swasta serta badan antarabangsa. Enam bidang utama menjadi tumpuan perbincangan, meliputi isu kesuburan, penuaan, gender, dasar keluarga, alam sekitar serta kaedah analisis dan penyebaran data kependudukan.

Selain sesi pembentangan akademik, dua forum utama turut diadakan sepanjang persidangan ini, iaitu “Kesuburan Menurun, Keluarga Mengecil: Cabaran untuk Pembangunan Nasional” dan “Dasar Mesra Keluarga: Dari Retorik ke Realiti”. Kedua-dua forum ini menghimpunkan tokoh akademik, penggubal dasar dan pemimpin industri yang berkongsi pandangan serta strategi bagi memperkukuh ekosistem keluarga dan menstabilkan struktur demografi negara termasuk Ahli Parlimen Paya Besar, Datuk Indera Shahar Abdullah.

PERKKS 25 turut menampilkan hasil **Geran Penyelidikan LPPKN 2025 (GP LPPKN 2025)**, yang dilaksanakan dengan matlamat menjadikan LPPKN sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan kependudukan, kekeluargaan dan kesihatan reproduktif negara. Antara kajian penting yang dibentangkan termasuk fenomena *childfree*, kesejahteraan pasangan subfertiliti, penilaian Dasar PEKERTI dan penambahbaikan Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) yang baharu.

Antara penyelidikan yang menarik perhatian ialah Kajian Bagi Penubuhan Badan Pendamai LPPKN, yang menilai keperluan penubuhan mekanisme rasmi untuk membantu pasangan yang berhadapan konflik rumah tangga melalui pendekatan harmoni dan berpaksikan data. Kajian ini juga merupakan projek awal hasil kerjasama strategik antara LPPKN dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), yang dimeterai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) pada 30 Oktober 2025.

Hasil perbincangan forum dan dapatan penyelidikan akan dihimpunkan dalam Laporan Prosiding PERKKS 25 serta laporan khas bertajuk “Menangani Kejatuhan Kesuburan di Malaysia.” Laporan ini akan menjadi panduan penting kepada KPWKM dan LPPKN dalam merangka dasar, intervensi dan pelan tindakan yang lebih komprehensif bagi menangani cabaran demografi negara secara holistik, berasaskan data dan berpaksikan keluarga.

Penganjuran ini merupakan kolaborasi strategik antara LPPKN, Universiti Malaya (UM), United Nation Populations Fund (UNFPA) Malaysia dan MERCK Malaysia, sejajar dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk membina masyarakat berasaskan data, berpusatkan keluarga dan berpaksikan kesejahteraan insan.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
19 NOVEMBER 2025